

29/01/1999

20 projek ditangguh (HL)

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Lebih 20 projek lebuhraya baru di seluruh negara ditangguhkan berikutan keputusan Kabinet menghentikan pelaksanaan jalan raya tol baru semalam.

Semua projek baru yang ditangguhkan itu turut membabitkan cadangan pembinaan lebuhraya yang sudah diberi kelulusan awal oleh Kabinet sebelum ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata arahan itu berkuat kuasa bagi projek yang sudah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) tetapi belum menandatangani perjanjian konsesi dengan kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, projek lebuhraya yang sudah dimulakan pembinaan serta di peringkat rundingan terakhir masih dibenarkan pelaksanaannya.

Ia termasuk projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT), Lebuhraya Pantai Barat, Lebuhraya Bertingkat Ampang dan Skim Penyuraian Trafik Kuala Lumpur Barat (Sprint).

Beliau tidak memberikan sebarang perangkaan berhubung jumlah kos keseluruhan projek yang tertangguh itu tetapi difahamkan ia boleh melebihi RM10 bilion mengikut perancangan Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7).

"Kita sudah pun memutuskan untuk menangguhkan pembinaan beberapa lebuhraya walaupun kelulusan awal sudah diberi oleh Jemaah Menteri. Kerajaan kini tidak berminat lagi untuk meneruskan cadangan lebuhraya terbabit.

"Saya difahamkan ada lebih 20 cadangan lebuhraya baru yang diterima oleh kementerian saya serta EPU. Semua projek ini sudah tentunya akan terjejas berikutan arahan itu," katanya kepada pemberita selepas menemui rombongan pemimpin DAP, diketuai Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang di pejabatnya, petang ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penangguhan pelaksanaan semua lebuhraya tol baru sehingga rakyat boleh menerima konsep pembayaran tol bagi penswastaaan laluan berkenaan.

Mengikut RM-7, RM17.5 bilion diperuntukkan bagi projek jalan raya utama dengan RM3.9 bilion daripadanya membabitkan projek yang gagal disiapkan dalam rancangan sebelumnya.

Samy Vellu berkata, pembinaan Lebuhraya Pantai Timur menghubungkan Karak di Pahang dengan Kuala Terengganu akan tetap dimulakan tahun ini kerana perjanjian konsesi projek itu sudah ditandatangani.

"Saya percaya pemegang konsesi projek itu sedang mengadakan rundingan peringkat terakhir dan kerja pembinaan bermula tidak lama lagi," katanya.

Beliau berkata, sektor swasta turut menghantar beberapa cadangan kepada Jabatan Perdana Menteri berhubung projek melebarkan jalan raya tol sedia ada.

"Bagaimanapun, saya tidak tahu sama ada projek berkenaan menerima kelulusan EPU atau tidak," katanya tanpa menamakan jalan raya yang terbabit.

Samy Vellu bagaimanapun enggan mengulas lanjut status jambatan baru yang menghubungkan Malaysia dan Singapura bagi menggantikan Tambak Johor.

Sementara itu, sumber-sumber Kementerian Kerja Raya memberitahu, penangguhan itu turut membabitkan tiga projek penswastaaan lebuhraya utama bernilai kira-kira RM6 bilion yang dipersetujui Kabinet sebelum ini iaitu Lebuhraya Bertingkat Kuala Lumpur (KLEE), Lebuhraya Koridor Pandan (PCE) dan Lebuhraya Muar-Segamat-Tangkak.

Projek lain yang turut terjejas berikutan keputusan Kabinet itu termasuk Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE), Lebuhraya Gemas-Pasir Gudang/Johor

Bahru dan Lebuhraya Laluan Transit KL.